

MAKLUMAN

Para pelanggan yang dihormati sekalian,

Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 8 Februari 2011 telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berkenaan Garis Panduan Perolehan Hartanah yang baru, yang mula berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011. Perkara yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti berikut;

Perolehan unit kediaman untuk **tujuan penginapan** oleh;

- i) Warganegara asing bertaraf **pegawai dagang** yang sedang **berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia**; atau
- ii) Warganegara asing bertaraf **pegawai dagang** yang sedang **berkhidmat dengan bukan kerajaan** yang menerima **pendapatan minimum bulanan RM8,000.00**; atau
- iii) **Pemastautin Tetap** yang memegang **kad pengenalan merah**.

Dibenarkan untuk memperoleh hanya **SATU (1) unit kediaman bernilai minimum RM250,000.00** dan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian untuk makluman, terima kasih.